

SULIT

1103/1

1103/1  
BAHASA  
MELAYU  
KERTAS 1  
OGOS  
2018  
2½ jam

NO KAD PENGENALAN

						-			-										
--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Nama Pelajar : .....

Tingkatan : .....



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
(CAWANGAN KELANTAN)**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM  
TINGKATAN 5  
2018**

**BAHASA MELAYU  
KERTAS 1  
Dua jam lima belas minit**

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

1103/1

**SULIT**

**[LIHAT SEBELAH]**

**Bahagian A****[30 markah]****[Masa dicadangkan : 45 minit]***Lihat gambar di bawah dengan teliti.**Huraikan pendapat anda tentang peranan pemimpin pelajar di sekolah. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.***PERANAN PEMIMPIN PELAJAR DI SEKOLAH****Memastikan peraturan sekolah dipatuhi****Membantu menjayakan program sekolah****Memantau keceriaan dan kebersihan sekolah**

**Bahagian B****[100 markah]****[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]**

**Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.**

1. Sebagai warganegara yang cinta akan negara sendiri, kita sepatutnya mempunyai rasa bangga akan kelebihan negara ini.

Huraikan cara anda menunjukkan perasaan bangga akan negara.

2. Kewujudan masyarakat penyayang dilihat sebagai kaedah paling berkesan untuk mengekalkan perpaduan rakyat Malaysia.

Huraikan peranan yang perlu dilaksanakan untuk mewujudkan masyarakat penyayang.

3. Jenayah yang melibatkan kanak-kanak seperti penderaan dan buli dilihat semakin menjadi-jadi.

Tulis sebuah rencana berkaitan dengan langkah pelbagai pihak untuk menangani isu tersebut.

4. Menceburi bidang perniagaan dalam talian dapat mengurangkan peratus pengangguran dalam kalangan masyarakat.

Huraikan kelebihan-kelebihan perniagaan dalam talian.

5. Bidalan banyak berjalan luas pengalaman menggalakkan kita supaya meneroka alam yang luas.

Nyatakan manfaat yang diperoleh apabila kita banyak berjalan.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**1103/2  
BAHASA  
MELAYU  
KERTAS 2  
OGOS  
2018  
 $2\frac{1}{2}$  jam**

### NO KAD PENGENALAN

Nama Pelajar : .....

Tingkatan : .....



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
(CAWANGAN KELANTAN)**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM  
TINGKATAN 5  
2018**

**BAHASA MELAYU  
KERTAS 2**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **empat** soalan.
  2. Jawab **semua** soalan.
  3. Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
  4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
  5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi **10** halaman bercetak dan **2** halaman tidak bercetak

SULIT

2

**Soalan 1 : Rumusan**  
**[30 markah]**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kesan apabila berlaku banjir dan peranan kerajaan untuk menghadapi bencana tersebut. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Banjir yang berlaku di negara kita berpunca daripada fenomena semula jadi dan kerakusan manusia memusnahkan persekitaran. Fenomena semula jadi berlaku kerana air laut pasang besar dan taburan hujan yang turun dengan banyaknya. Tindakan manusia memusnahkan alam sekitar pula akan menyebabkan berlakunya banjir kilat. Apabila tiadanya kawasan tadahan hujan, sungai dan parit menjadi cetepek atau tersumbat. Air banjir bercampur lumpur di kawasan tanah tinggi bersatu dengan air longkang dan sampah sarap di kawasan rendah akan mengundang pelbagai penyakit. Antara penyakit tersebut termasuklah cirit-birit, konjunktivitis, penyakit kulit dan kuman parasit. Air banjir yang tercemar ini juga akan mengakibatkan sistem badan terganggu apabila memasuki liang rongga, mulut, dubur dan lain-lain.

Golongan kanak-kanak sering mengambil kesempatan untuk bermain banjir dengan riangnya tanpa diawasi oleh ibu bapa menyebabkan mereka terdedah kepada risiko kecederaan kerana terkena benda tajam. Hal ini disebabkan oleh penglihatan yang tidak jelas kerana air lumpur keruh dan kekuningan. Kanak-kanak yang riang bermain banjir juga boleh dibawa arus deras dan kelemasan. Ibu bapa mestilah menasihati anak-anak mereka supaya tidak terpengaruh oleh kawan-kawan untuk bermain banjir. Lebih penting lagi, anak-anak perlu diberitahu tentang bahaya banjir. Selain itu, sampah sarap dari kawasan rendah akan menjadi tempat tumpuan binatang berbisa yang amat berbahaya seperti ular, kala jengking dan labah-labah.

Mangsa banjir akan ditempatkan di pusat-pusat pemindahan banjir yang terletak di lokasi selamat. Biasanya masjid, sekolah dan balai raya akan dijadikan pusat pemindahan banjir. Pusat-pusat pemindahan banjir ini perlu diuruskan dengan baiknya dari segi makanan, keselesaan tempat tinggal dan kemudahan asas yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana banjir akan menyebabkan mangsanya menghadapi tekanan emosi. Ketidakselesaan dan pengurusan yang lemah di pusat pemindahan banjir ini akan menambahkan kemurungan mereka lagi. Gangguan emosi berlaku kerana banjir menyebabkan harta benda mereka rosak. Contohnya, kenderaan, perabot dan perkakas elektrik mereka rosak akibat ditenggelami banjir. Di samping itu, kes kecurian juga sering berlaku ketika penghuninya berada di pusat pemindahan banjir.

Selepas banjir surut, kerajaan menanggung kos untuk membaik pulih infrastruktur yang rosak. Kerajaan terpaksa membaiki jalan raya dan jambatan yang rosak agar tidak menjelaskan aktiviti harian penduduk di kawasan yang ditenggelami banjir. Banjir yang berlaku *saban waktu* bukan sahaja akan mendatangkan kesan buruk kepada mangsa tetapi juga kepada seluruh masyarakat dan kerajaan. Banjir perlu ditangani dengan sebaik-baik mungkin supaya bencana ini tidak mendatangkan kesan buruk yang lebih besar.

1103/2

SULIT

[LIHAT SEBELAH]

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Elak Penyakit Ketika Banjir'  
Oleh Fazuan Ammar Azman,  
Dewan Siswa, Disember 2016

### Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan soalan 1, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata saban waktu. [2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan bahawa kanak-kanak mudah terdedah kepada bahaya banjir.
- Nyatakan peranan ibu bapa untuk menjamin keselamatan anak-anak mereka. [3 markah]
- (iii) Mangsa banjir akan mengalami pelbagai kesusahan akibat bencana tersebut. Apakah peranan anda untuk membantu mereka? [4 markah]

**Soalan 2(b) – Petikan Cerpen**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Cerita bonda suatu hari tatkala saya asyik membelek-belek kitab-kitab lama bertulisan Jawi di dalam almari yang memperincikan sejarah asal usul bumi mewah ini. Saya pandang mata bonda dalam-dalam mencari pengertian sebenar saya anak generasi baharu yang belum mengerti segala-galanya itu. Saya faham bonda hanya ingin menghidupkan roh patriotisme dan jati diri dalam diri saya. Semangat cinta akan bangsa sendiri kian terhakis dalam jiwa anak-anak generasi material ini. Harapan bonda mogamoga saya menjadi pejuang yang berani mempertahankan nilai dan kepentingan bangsa saya sendiri yang sedikit, demi sedikit mula terhakis di atas tanah sendiri.

“Tapi, dunia ini sudah berubah, bonda. Kita bukan lagi hidup pada zaman perjuangan menentang musuh penjajah. Sekarang kita hidup dalam dunia yang mengejar harta, pangkat dan kekayaan di bumi mewah ini. Tanah air ini bukan milik bangsa kita sahaja. Kita hidup dengan perkongsian hak dan identiti yang sama rata. Sejarah lama tidak perlu dibangkitkan lagi.” Bonda merenung mata saya dengan ekor pandangan yang penuh prejudis. Dihela nafas panjang-panjang menahan rasa sebelum bersuara, “Mel, sejarah bukan buta. Sejarah ialah guru yang tidak pernah berdusta. Bangsa yang membaca dan mengkaji sejarah silam tidak akan melakukan kesilapan kali kedua. Lihat bangsa Yahudi yang terus mencipta kejayaan besar dari zaman ke zaman kerana mengkaji sejarah lampau. Mereka membina agenda besar untuk bangsa dan keturunannya.”

Dipetik daripada cerpen ‘Munsyi’  
oleh Husna Nazri  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan cerpen, nyatakan pandangan bonda tentang sejarah.  
[2 markah]
- (ii) Remaja memerlukan persediaan-persediaan yang rapi untuk menghadapi perubahan dunia yang kian mencabar.  
Pada pandangan anda, apakah persediaan-persediaan tersebut?  
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan dan **satu** pengajaran lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan.  
[4 markah]

**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah hari malam maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota. Maka didengarnya bunyi orang berkawal dan bunyi lembing perisai gemeretak. Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu ia berjalan pada tengah orang banyak itu lalu masuk ke rumah Bendahara. Maka dicurinya harta yang kemas-kemas lalu dibawanya kembali.

Setelah hari siang maka Bendahara pun gemparlah mengatakan kecurian.

Maka Bendahara pun berdatang sembah, "Ya tuanku, patik mohonkan ampun, pada malam ini patik habis kecurian, habislah harta yang kemas-kemas."

Maka titah raja, "Hai Temenggung, tidakkah kita titahkan Temenggung sendiri pada malam berkawal? Mengapakah pada malam ini mamak Bendahara kecurian ini?"

Maka sembah Temenggung, "Ya tuanku, patik mohonkan ampun dan kurnia; adapun pada malam ini patik sendirynalah berkawal. Pada segenap pintu dan rumah saudagar dan orang kaya-kaya patik sudah tunggui; maka seorang pun tiada bertemu dengan patik-patik itu. Maka titah duli yang maha mulia patik junjung."

Maka Laksamana pun berdatang sembah, "Ya tuanku, adapun penjurit yang datang ini bukan barang-barang penjurit, lebih tahnnya daripada patik. Jika ada derma kurnia, patik hendak memohon ke bawah duli hendak cuba bermain dengan penjurit itu."

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan' dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *membaca pustakanya*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan alasan Temenggung apabila Sultan bertanyakan kecurian yang berlaku di rumah Bendahara. [3 markah]
- (iii) Masalah kecurian sering berlaku dalam kalangan masyarakat tanpa mengira masa dan tempat.

Apakah langkah-langkah yang dapat anda lakukan untuk mengelakkan kejadian jenayah tersebut berlaku di rumah anda? [3 markah]

**Soalan 2(d) – Sajak**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Erti Hidup Bererti**

Aku selalu didatangi  
malam sepi  
bagai kalung  
yang melingkari leherku  
tidak berubah keesokan hari  
siapa yang akan datang menjengukku  
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik  
kehijauan rumput  
hanya menjadi bayangan  
di penjuru ruang zaman  
cinta dalam rahim dilupai  
dari sulung ditendang ke bongsu  
dari angah ditendang ke sulung balik  
kucari erti hidup  
menderita mengerang sakit  
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka  
tiada makna  
anakku bakaku  
baik setia mahupun derhaka  
semoga disirami benih keinsafan  
menjadi penawar dalam hati  
embun cinta atas angin dingin  
jangan terpegun  
ada yang mati  
ada yang hidup  
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

Teo Weng Sing  
antologi Sejadah Rindu,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan sajak tersebut, nyatakan dua harapan penyajak terhadap anaknya. [2 markah]
- (ii) Penyajak berasa kesunyian kerana anak-anak tidak begitu menghiraukannya. Pada pendapat anda, apakah cara-cara untuk menjamin kehidupan seseorang semasa tua, tanpa bergantung pada anak-anak? [3 markah]
- (iii) Huraikan dua nilai kemanusiaan yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa****[30 markah]****Jawab semua soalan**

- (a) Tulis **satu ayat bagi setiap perkataan** di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) besar
- (ii) membesar
- (iii) membesar-besarkan
- (iv) memperbesar
- (v) pembesar
- (vi) pembesaran

**[6 markah]**

- (b) Tukarkan **ayat aktif** di bawah ini kepada **ayat pasif** tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Pak Samad mengumpulkan dan memasukkan buah-buah durian yang luruh pada pagi itu ke dalam guni untuk dibawa ke pekan.
- (ii) Pakar Sakit Puan, Doktor Zahirah telah merawat Puan Jusnita yang sedang sakit itu.
- (iii) Pengetua telah melantik Cikgu Kamarul sebagai guru disiplin kerana ketegasannya menjalankan tugas.

**[6 markah]**

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kami memerlukan tanda tangan tuan untuk meluluskan pohonan tuntutan yang telah lama tertangguh.
- (ii) Bidang eko-pelancongan mampu dimajukan kerana mengayakan sumber alam semula jadi di negara ini.
- (iii) Bas ekspres yang membawa pelancong dari luar negara itu bergerak ke destinasi yang telah mengenal pasti.

**[6 markah]**

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) "Demi untuk negara tercinta, saya sanggup berjuang segala-galanya," kata Siti Afiat kepada kawan-kawannya.
- (ii) Di kampung itu, Haji Fawaz merupakan sukarelawan yang sering menghulurkan wang untuk membantu orang yang di dalam kesusahan.
- (iii) Kejatuhan akhlak remaja semakin leluasa sebab pengaruh budaya Barat yang banyak didedahkan melalui media elektronik.

[6 markah]

(e) Baca ayat-ayat di bawah ini dengan teliti dan kemudian kemukakan **tiga peribahasa** yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam ayat-ayat ini.

- (i) Pengarah syarikat itu telah memberhentikan pekerjaanya yang malas kerana melakukan pekerjaan apabila disuruh sahaja.
- (ii) Segala pekerjaan yang dilakukan oleh Amirul kurang berhasil kerana dia tidak melakukannya dengan bersungguh-sungguh.
- (iii) Hafizul amat kecewa akan keputusan peperiksannya, namun segala-galanya telah terlambat.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**  
**[15 markah]**

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
  - (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
  - (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin
  - (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
  - (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
  - (vi) Tirani karya Beb Sabariah
  - (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
  - (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman
- 
- (a) Bahagian permulaan sebuah novel memainkan peranan yang penting kepada pembaca untuk meneruskan pembacaan.
- Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** sebab bahagian permulaan novel itu menarik minat anda. [7 markah]
- 
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam setiap novel tersebut. [8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**